



MODUL
**BAHASA
MELAYU
SPM**





Isi-Isi Penting Mengikut Tema

Disediakan oleh:
Panitia Bahasa Melayu SMK Kapit



ISI KANDUNGAN

1	➤ Kesehatan dan Kebersihan
2	➤ Keselamatan
3	➤ Perpaduan
4	➤ Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
5	➤ Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan
6	➤ Sains, Teknologi dan Inovasi
7	➤ Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
8	➤ Pertanian Penternakan dan Perikanan
9	➤ Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan
10	➤ Pelancongan
11	➤ Sejarah dan Warisan
12	➤ Sukan dan Rekreasi
13	➤ Perindustrian
14	➤ Pendidikan
15	➤ Bahasa dan Kesusasteraan
16	➤ Kerjaya
17	➤ Integriti
18	➤ Pentadbiran dan Politik



PENJAGAAN KESIHATAN

Langkah menjaga kesihatan diri:

- bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu
- membuat pemeriksaan kesihatan berkala dengan doktor
- mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat
- mengamalkan gaya hidup sihat – tidak merokok, mengambil minuman keras
- menjaga kebersihan diri dan persekitaran
- Tidak mengambil sesuatu yang dapat memudaratkan kesihatan secara berlebihan seperti gula, makanan yang berlemak dan sebagainya
- Menjauhkan amalan yang dapat memudaratkan kesihatan seperti menghisap rokok, minum minuman keras dan sebagainya

Peranan ibu bapa menjaga kesihatan keluarga:

- ibu menyediakan menu makanan seimbang dan sihat - penyediaan menu makanan seharian haruslah mengandungi semua kelas nutrien dan dalam kuantiti yang seimbang
- mengawal pengambilan makanan ringan dan makanan segera - ibu bapa tidak membiasakan anak-anak dengan pengambilan makanan ringan dan makanan segera - ibu bapa tidak makan atau membeli makanan ringan dan makanan segera - ibu bapa kurang membawa anak-anak menjamu selera di premis makanan segera
- ibu bapa membawa anak-anak melakukan senaman atau bersukan - bersenam atau bersukan membolehkan bahan toksin di dalam badan keluar melalui peluh - bersenam atau bersukan membolehkan otot badan berfungsi lebih baik
- ibu bapa memastikan anak-anak mendapat tidur dan rehat yang mencukupi- memastikan badan dapat memulihkan kembali tenaga yang telah digunakan sepanjang hari untuk menjalani tugas-tugas seharian
- ibu bapa membawa anak-anak atau ahli keluarga menjalani pemeriksaan kesihatan - 6 bulan atau setahun sekali atau secara berjadual - membawa anak atau ahli keluarga yang sakit mendapatkan rawatan doktor

Kepentingan menjaga kesihatan diri:

- Membentuk masyarakat yang sejahtera dan produktif
- Mengekalkan kecergasan tubuh badan
- Menyukarkan jangkitan kuman yang menyebabkan penyakit
- Menjadikan otak lebih cerdas
- Menjadikan hidup lebih selesan dan bahagia
- Melancarkan tugas harian yang dilakukan dan mencapai apa-apa matlamat yang dirancang

PENJAGAAN KEBERSIHAN

Peranan pelbagai pihak dalam menjaga kebersihan:

- ibu bapa menerapkan amalan menjaga kebersihan tempat tinggal dan alam sekitar kepada anak-anak sejak kecil
- anggota masyarakat menjaga kebersihan tempat tinggal dan tempat-tempat awam – mengadakan aktiviti gotong-royong
- pihak sekolah mendidik para pelajar agar menjaga kebersihan kelas dan persekitaran sekolah – ceramah, pameran kesihatan, pertandingan kebersihan dan keceriaan kelas
- media massa mengadakan kempen memupuk amalan nilai kebersihan
- pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang dan denda yang berpatutan kepada pihak yang mengotorkan alam sekitar

Kepentingan menjaga kebersihan:

- menjamin kualiti kesihatan - kita tidak mudah mendapat penyakit dan dapat mengelakkan penyakit merebak kepada orang lain- amalan membasuh tangan selama 20 saat penting supaya tidak membawa bakteria atau virus tanpa kita sedari
- membentuk otak yang cergas dan badan yang sihat - bebas daripada penyakit - pelajar dapat menumpukan perhatian dan memahami sesuatu pelajaran yang disampaikan oleh guru
- memberikan keselesaan hidup - selesa berada di tempat tinggal yang bersih - dapat menghindarkan serangan-seragan daripada nyamuk, lalat dan perosak-perosak lain.


PENYAKIT BERJANGKIT

Punca penyakit berjangkit:

- masyarakat tidak mengamalkan pemakanan yang seimbang - pemakanan yang seimbang akan mendatangkan pelbagai jenis sumber tenaga di dalam tubuh badan kita
- masyarakat kurang menjaga kebersihan diri dan persekitaran - persekitaran yang kotor, seseorang akan mudah dijangkiti oleh penyakit berjangkit
- kurang kesedaran daripada masyarakat tentang bahaya penyakit berjangkit
- disebabkan oleh jangkitan kuman atau mikroorganisma yang berbahaya seperti bakteria dan virus - contoh penyakit disebabkan oleh bakteria ialah tibi, taun
contoh penyakit disebabkan oleh virus ialah selesema, demam denggi, hepatitis, demam campak, beguk dan sebagainya.

Langkah mengatasi penularan penyakit berjangkit:

- Memakan makanan yang seimbang dan berkhasiat - memakan makanan yang seimbang dan berkhasiat - memakan sayur-sayuran hijau, ikan, daging dan buah-buahan
- Mengurangkan makanan yang dapat memudaratkan kesihatan - mengurangkan makanan yang berlemak dan berkolestrol tinggi serta makanan yang tinggi kandungan gulanya
- penjagaan kesihatan yang teratur dalam kalangan masyarakat - mengamalkan senaman dan rajin menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi
- Menjaga kebersihan diri, tempat tinggal dan persekitaran
- pihak berkuasa mengetatkan syarat kemasukan pelancong dari luar negara.
- pihak kerajaan hendaklah melupuskan haiwan atau pembawa yang telah dijangkiti penyakit berjangkit dengan kadar segera
- peranan media massa – menyebarkan maklumat tentang penyakit berjangkit untuk memupuk kesedaran masyarakat



KEMALANGAN JALAN RAYA

Punca kemalangan:

- Sikap pemandu yang tidak mematuhi peraturam di jalan raya – Contoh: memandu melebihi had laju, memandu dalam keadaan mabuk, memandu sambil menggunakan telefon bimbit
- Keadaan jalan raya yang daif – jalan raya yang berlubang-lubang
- Keadaan kenderaan – kenderaan tidak diservis
- Cuaca – hujan lebat yang menyebabkan jalan menjadi licin & membataskan had penglihatan
-

Kesan kemalangan jalan raya:

- Kecederaan, kecacatan & kehilangan nyawa
- Menjejaskan sosioekonomi sesebuah keluarga - perbelanjaan yang ditanggung oleh ahli keluarga lain yang terpaksa mengambil alih tugas si mangsa.
- Menjejaskan imej negara - kadar kemalangan jalan raya yang tinggi mencerminkan sikap rakyat yang tidak berhemah dan tidak bertamadun di jalan raya.
- Negara mengalami kerugian - kos rawatan, kos rehat akibat kecederaan, kos penyiasatan kemalangan dan pengurangan atau kehilangan produktiviti - Kempen secara besar-besaran terpaksa diadakan untuk mengingatkan pengguna jalan raya agar berhati-hati di jalan raya

Langkah mengatasi kemalangan jalan raya:

- Kerajaan menguatkuasakan undang – undang yang lebih tegas – mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalah – Contoh: menggantung lesen memandu pesalah
- Media massa – menyebarkan maklumat tentang keselamatan di jalan raya – Contoh: media cetak (artikel, rencana), media elektronik (iklan di televisyen, media social – TikTok, Facebook, Instagram)
- Sekolah – Pendidikan Keselamatan Jalan Raya – memberikan pengetahuan dan memupuk kesedaran tentang aspek keselamatan di jalan raya sejak di bangku sekolah
- Kerajaan melaksanakan Kempen Keselamatan Jalan Raya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat
- Jabatan Kerja Raya menerusi Kementerian Kerja Raya wajar mengenal pasti keadaan jalan raya yang sering menjadi punca kemalangan -kemudahan jalan raya diperbanyak seperti jejantas, lampu isyarat, melebarkan jalan raya dan memasang lampu di tempat-tempat yang perlu
- Perkhidmatan pengangkutan awam perlu dipertingkatkan


PENDERAAN KANAK-KANAK	
<p>Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penderaan melibatkan penderaan fizikal, mental dan seksual 	
<p>Punca penderaan kanak-kanak:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa menghadapi tekanan di tempat kerja/tekanan dalam menguruskan anak-anak – anak-anak dijadikan tempat melepaskan geram • Masalah kewangan • Krisis rumah tangga - pergaduhan antara suami isteri dan mungkin disebabkan gangguan pihak luar, ibu bapa yang tidak menjalankan tanggungjawab • Kurang didikan agama • Kurangnya ilmu keibubapaan dalam menjaga anak-anak • Penyalahgunaan dadah 	<p>Kesan penderaan kanak-kanak:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan fizikal & emosi - Kanak-kanak yang telah menjadi mangsa penderaan secara fizikal akan menanggung kecederaan yang serius pada tubuhnya – kanak-kanak berasa trauma & hilang kepercayaan kepada orang dewasa • Proses perkembangan kanak-kanak terganggu – berlaku ketidakseimbangan kemahiran emosi, kognitif dan sosial, kemurungan, gemar menyendiri, mudah terpengaruh oleh gejala tidak sihat • Negara kehilangan modal insan berkualiti untuk pembangunan - Tanpa modal insan yang berkualiti, sesebuah negara akan menjadi lemah dan terancam
<p>Langkah mengatasi penderaan kanak-kanak:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan mengadakan kempen "Keluarga Bahagia" bagi menyedarkan ibu bapa tentang tanggungjawab mereka • Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas - menyebabkan pendera-pendera berasa takut akan hukuman yang bakal mereka hadapi akibat perbuatan sendiri yang tidak berperikemanusiaan. • Kursus Pendidikan Keibubapaan bagi pasangan yang bakal berkahwin/yang baru bergelar ibu bapa • Media massa - memupuk kesedaran tentang pentingnya tanggungjawab melindungi kanak-kanak • Masyarakat seharusnya lebih peka terhadap isu sekeliling dan menjadi 'mata dan telinga' pihak berkuasa sekiranya terdapat kes penderaan terhadap kanak-kanak. 	

JENAYAH	
<ul style="list-style-type: none"> • Contoh: Pecah rumah, curi, ragut, merosakkan harta benda, rompak, ragut dan kekerasan 	
<p>Punca berlakunya jenayah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sikap ambil mudah masyarakat terhadap keselamatan diri dan harta benda – lalai dan cuai dalam aspek keselamatan • Faktor ekonomi – kemiskinan, pengangguran, peningkatan harga barang/tekanan inflasi • Faktor sosial – latar belakang keluarga yang berpecah belah, tiada didikan ibu bapa, pengaruh rakan yang negatif • Faktor psikologi – keinginan untuk hidup mewah • Penguatkuasaan undang-undang yang lemah 	<p>Kesan berlakunya jenayah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keruntuhan institusi keluarga • Keharmonian negara terjejas • Nama baik negara tercemar • Ekonomi negara merosot – pelancong & pelabur asing takut untuk melancong dan membuat pelaburan akibat kadar jenayah yang tinggi

<ul style="list-style-type: none"> • Pengaruh unsur ganas dan cara-cara melakukan jenayah banyak disiarkan oleh televisyen. 	
<p>Langkah mengatasi jenayah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan menguatkuasakan undang-undang dengan lebih tegas – mengenakan hukuman yang sangat berat kepada pesalah jenayah • Media massa menyebarkan maklumat secara meluas tentang jenayah melalui Kempen Pencegahan Jenayah – media cetak & media elektronik - untuk memberikan kesedaran dan peringatan kepada orang ramai tentang pentingnya menjaga keselamatan diri, keluarga, dan harta benda mereka • Pihak berkuasa – meningkatkan rondaan & kawalan, memasang lebih banyak kamera keselamatan, menambahkan bilangan anggota keselamatan • Masyarakat - menubuhkan kelab Rukun Tetangga untuk menjaga keselamatan kawasan mereka sebagai tambahan kepada rondaan pihak polis - melaporkan aktiviti -aktiviti yang mencurigakan di kawasan mereka kepada polis. • Kerajaan hendaklah bekerjasama dengan negara lain & organisasi antarabangsa dalam membendung kegiatan jenayah seperti kes -kes penipuan, penyelewengan, pemerdagangan manusia, penyeludupan dan keganasan • Kerajaan memperkasakan ekonomi negara – meningkatkan peluang pekerjaan – mengelakkan masyarakat terlibat dengan kongsi gelap, pengedaran dadah, ragut, samun, rompak dan sebagainya 	

JENAYAH SIBER	
<p>Punca berlakunya jenayah siber:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan penggunaan Internet • Penguatkuasaan undang-undang yang lemah - menyebabkan siasatan terhadap jenayah siber mengambil masa yang lama dan banyak kes tertangguh – pelaku jenayah siber sukar untuk dikenal pasti • Sikap individu yang inginkan keseronokan dan ingin mencuba sesuatu yang baru terutamanya golongan remaja • Kekurangan pendidikan dan kesedaran tentang jenayah siber dalam kalangan masyarakat - Individu-individu yang terlibat dalam aktiviti jenayah siber ini tidak menyedari bahawa perbuatan mereka seperti menggodam, mencuri maklumat, menyebarkan virus, menghantar mesej sampah dan pencerobohan adalah satu jenayah 	<p>Kesan berlakunya jenayah siber:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ancaman keselamatan - Ramai pengguna cuai dalam penggunaan laman sosial iaitu mempamerkan butir-butir peribadi yang penting seperti nombor telefon, alamat rumah dan sebagainya • Kerugian - Pelbagai kes penipuan di internet seperti Macau Scam, Love Scam, pinjaman tak wujud, dan penipuan mesej khidmat ringkas (SMS) yang membabitkan rakyat negara ini sehingga menelan kerugian ratusan juta ringgit. • Tekanan perasaan - Mangsa jenayah siber mengalami tekanan perasaan seperti marah, malu dan trauma - mangsa mungkin mengambil jalan singkat dengan membunuh diri disebabkan malu.
<p>Langkah mengatasi jenayah siber:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kerjasama antara negara secara global - hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain di dunia membolehkan Malaysia bekerjasama dengan berkongsi maklumat dalam keselamatan komputer dan membentuk unit pencegahan jenayah siber. • Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang – pihak berkuasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Cyber Security Malaysia bagi memantau pelbagai aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai jenayah siber • Memperkukuh kerjasama antara kerajaan dengan syarikat-syarikat komputer 	

BULI	
<ul style="list-style-type: none"> • masalah yang meliputi kegiatan seperti memeras ugut, menghina, mengejek, menumbuk, memaki dan sebagainya yang dilakukan oleh seseorang terhadap pemangsanya 	
<p>Punca berlakunya buli:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan kasih sayang dan perhatian <ul style="list-style-type: none"> - Anak-anak yang kurang mendapat perhatian merasakan diri mereka tidak disayangi - cuba mencari perhatian dengan melakukan pelbagai perkara yang tidak baik • Pengaruh media massa - Program-program yang diimport dari negara-negara barat berunsurkan aksi-aksi ganas. • Kurang penghayatan nilai-nilai moral dan agama • Pengaruh rakan sebaya yang negatif • Tahap kesedaran masyarakat mengenai buli masih rendah - Kesedaran daripada aspek pemahaman definisi buli, jenis perbuatan berkaitan serta proses aduan masih lemah dalam masyarakat kita terutama pelajar sekolah • kekurangan pengawasan dan kawalan disiplin yang longgar di sekolah 	<p>Kesan berlakunya buli:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan fizikal dan emosi – mangsa buli biasanya akan mengalami trauma dan ketakutan sepanjang masa - boleh menyebabkan mangsa buli hilang pertimbangan dan kewarasan sehingga tergamak untuk menamatkan nyawa mereka sendiri. • Kemosrotan dalam pelajaran – mangsa buli ponteng sekolah untuk mengelakkan diri daripada dibuli - prestasi akademik mereka merosot dan akhirnya mereka gagal dalam peperiksaan • Hilang keyakinan diri • Masa depan terjejas • Melahirkan generasi yang ganas dan tidak berperikemanusiaan - Peningkatan gejala yang tidak bermoral dalam kalangan masyarakat
<p>Langkah mengatasi buli:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa memberikan didikan agama dan moral di rumah • Pihak sekolah memberikan pengetahuan dan kesedaran tentang gejala buli - pelajar akan menyedari bahawa perbuatan buli ini merupakan satu kesalahan - ceramah atau kempen seperti kempen bebas buli - pihak sekolah menangani ke buli dengan bersungguh- sungguh dan bukan dengan menutup kes itu dengan sesuka hati sahaja • Kerajaan juga perlu bergabung dengan agensi- agensi tertentu untuk mengadakan kempen kesedaran dan ceramah kesedaran tentang gejala buli • Pelajar – bijak memilih rakan – bertindak sebagai mata dan telinga pihak sekolah – segera melaporkan perbuatan buli jika ternampak 	



Tema:
Perpaduan

PERPADUAN

Punca perpaduan semakin longgar:

- Tidak bertolak ansur antara satu sama lain
- Menghina agama dan budaya
- Tidak suka bergaul berbeza kaum, bersikap seperti kera sumbang
- Mengabaikan sensitiviti kaum lain
- Kurang kesedaran tentang kepentingan perpaduan

Kesan bersatu padu:

- Wujudnya persefahaman dan mengelakkan berlakunya peristiwa yang dapat menggugat keamanan negara seperti peristiwa 13 Mei dan peristiwa Kampung Medan 4 Mac 2001
- Menarik kedatangan pelancong ke negara kita – peningkatan ekonomi negara
- Jenayah berkurangan – semua anggota masyarakat bekerjasama memelihara keharmonian dan saling mengambil berat

Langkah mewujudkan masyarakat yang bersatu padu:

- Ibu bapa mendidik anak-anak tentang amalan hidup bermasyarakat, tidak bersikap mementingkan diri sendiri
- Penganjuran aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, aktiviti Rukun Tetangga, sukaneka, rumah terbuka sempena sambutan perayaan
- Media massa menyebarkan maklumat tentang kepentingan semangat bersatu padu
- Sekolah – guru mengajar murid tentang kepentingan perpaduan, penganjuran aktiviti melibatkan murid pelbagai kaum seperti kejohanan sukan



KEPELBAGAIAN KAUM DI MALAYSIA

Kepentingan kepelbagaian kaum di Malaysia:

- Mengeratkan hubungan perpaduan – dengan adanya pelbagai kaum di Malaysia, kita dapat mengeratkan perpaduan dan bekerjasama dalam segala hal
- Mengenali budaya dan adat yang ada di negara – Contohnya, kita boleh mengenali budaya dan adat kaum India
- Meengukuhkan ekonomi negara – Melayu, Cina dan India boleh bergabung dalam menjalankan sesuatu perniagaan
- Saling bantu-membantu – Kebiasaan masyarakat Cina akan lebih mahir dalam bidang perniagaan – boleh membantu masyarakat melayu dan india

Langkah memupuk perpaduan kepelbagaian kaum di Malaysia:

- Menganjurkan majlis rumah terbuka – mengunjung rumah terbuka jiran yang pelbagai kaum
- Penerapan nilai-nilai budaya dan warisan dalam kehidupan seharian – penggalakan masyarakat bukan Melayu untuk menggunakan pakaian masyarakat melayu seperti baju kurung ke kuliah
- Melaksanakan sekolah wawasan – Kerajaan telah melaksanakan dasar sekolah wawasan seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan India untuk semua golongan
- Program Kenegaraan seperti Khidmat Negara



PERMAINAN TRADISIONAL

Punca permainan tradisional semakin dipinggirkan:

- Pengaruh besar yang dibawa oleh permainan moden - Permainan moden lebih relevan dengan perkembangan sains dan teknologi - Contoh: Mobile Legend, PUBG
- Generasi muda jarang didedahkan dengan keistimewaan permainan tradisional - Tidak mendapat pendedahan daripada ibu bapa yang sibuk bekerja - Kesannya, anak-anak tidak mengenali budaya sendiri
- Kurangnya penganjuran pertandingan permainan tradisional oleh pihak yang bertanggungjawab
- Pemikiran masyarakat lebih ke arah mengumpulkan harta kekayaan dan memastikan kejayaan anak-anak dalam pelajaran - Anak-anak tidak dibenarkan bermain pada waktu lapang, sebaliknya mereka perlu belajar di rumah atau menghadiri kelas tuisyen - Mengganggu permainan tradisional hanya membuang masa

Kepentingan permainan tradisional:

- melambangkan adat, budaya dan identiti sesuatu bangsa - jika tidak dipertahankan, generasi muda tidak akan mengenali permainan tradisional seperti congkak, gasing, wau dan sepak raga
- dapat dijadikan alat hiburan untuk mengisi masa lapang - permainan ini menyeronokkan kerana dimainkan secara berkumpulan - seperti sepak raga - dapat menghilangkan tekanan sekali gus menyihatkan tubuh badan
- dapat mengukuhkan hubungan masyarakat yang berbilang kaum - dapat bermain bersama-sama di tempat lapang seperti permainan layang-layang
- produk pelancongan yang menguntungkan negara - pelancong ingin melihat keunikan budaya warisan yang ada di negara kita seperti permainan wau yang telah mendapat tempat di persada antarabangsa

Langkah memartabatkan permainan tradisional:

- ibu bapa hendaklah memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak - menghadiahkan permainan tradisional kepada anak-anak sebagai hadiah hari lahir - membawa anak-anak ke muzium atau pameran permainan tradisional - dapat membuka mata mereka terhadap keunikan permainan tersebut
- pihak sekolah - mewujudkan kelab permainan tradisional untuk mengesan bakat pelajar - mengadakan pertandingan permainan tradisional dengan menawarkan hadiah yang lumayan
- pihak media massa hendaklah memperbanyak dokumentasi tentang permainan tradisional – elemen permainan tradisional dimasukkan dalam drama, filem
- pihak kerajaan hendaklah memberikan dana secara konsisten kepada penggiat permainan tradisional
- pengiktirafan/penghargaan kepada penggiat permainan tradisional

KESENIAN DI MALAYSIA	
<ul style="list-style-type: none"> • Contoh: Orkestra Cina, Wushu, Kuda Kepang, Kolattam 	
<p>Langkah memartabatkan kesenian di Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan pameran dan persembahan beraskan kesenian pelbagai kaum – supaya masyarakat lebih tertarik jika dipaparkan kepada umum • Menggunakan platform media sosial untuk mempengaruhi masyarakat – zaman modenisasi ini, masyarakat lebih kerap menggunakan media sosial, kerajaan sepatutnya mewujudkan satu media sosial khas untuk mempromosikan kegiatan seni yang ada • Memelihara kesenian yang masih ada ketika ini – generasi muda sepatutnya mengekalkan kesenian yang ada ketika ini • Memberikan insentif kepada penggiat seni dan warisan – dengan cara ini, mampu meningkatkan semangat penggiat seni untuk menjaga serta meningkatkan kualiti seni dan warisan kita 	<p>Punca kesenian di Malaysia semakin dipinggirkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kewujudan panggung wayang – masyarakat lebih kerap ke panggung wayang daripada menonton kesenian di panggung budaya kerana panggung wayang lebih banyak memaparkan cerita menarik • Pengaruh besar daripada tarian-tarian moden – Kewujudan pengaruh besar seperti Tiktok mempengaruhi minda generasi muda untuk lebih meminati tarian-tarian Tiktok • Generasi muda tidak didedahkan dengan kesenian yang ada di Malaysia – Pihak bertanggungjawab kurang mengadakan aktiviti-aktiviti kesenian- kesannya generasi muda kurang pengetahuan tentang kesenian yang ada di Malaysia • Kurangnya pertandingan kesenian di negara oleh badan-badan bertanggungjawab





SEMANGAT PATRIOTIK	
<p>Punca semangat patriotik semakin luntur:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurang kesedaran tentang kepentingan semangat patriotisme • Pengaruh media massa yang lebih mengagungkan gaya hidup masyarakat Barat - Budaya barat banyak mempengaruhi golongan remaja dan pemikiran mereka – gaya berpakaian, pergaulan bebas • Penguasaan pengetahuan sejarah negara yang cetek – pengorbanan tokoh-tokoh kemerdekaan semakin dilupakan 	<p>Kepentingan semangat patriotik:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengukuhkan perpaduan kaum - membentuk rakyat yang lebih mementingkan kepentingan negara daripada kepentingan kaum • Mewujudkan suasana yang aman dan harmoni • Meningkatkan kemajuan ekonomi dan pembangunan negara - Setiap rakyat Malaysia akan bekerja dengan bersungguh-sungguh agar dapat menyumbang ke arah pembangunan negara - pelabur asing membuka perniagaan di Malaysia • Menaikkan imej negara
<p>Langkah menyuburkan semangat patriotik:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa menerapkan semangat patriotisme dalam diri anak-anak – menceritakan kisah perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan – membawa anak-anak melawat tempat-tempat bersejarah – bersama-sama meraikan hari penting negara • Pihak sekolah mengadakan program berunsur kenegaraan seperti sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (pameran, pertandingan) • Media massa menyiarkan filem/drama yang mempunyai unsur patriotisme – Contoh: Bukit Kepong, Paskal 	

- Kerajaan – mengadakan kempen Cinta Malaysia/program berbentuk kenegaraan seperti PLKN
- Menjadikan subjek Sejarah sebagai subjek wajib lulus dalam setiap peperiksaan awam
- Pihak kerajaan melalui agensi yang berkaitan mestilah berusaha memperkasakan muzium di seluruh negara

PATRIOTISME

Cara menunjukkan rasa cinta kepada negara:

- menyambut dan meraikan hari bersejarah negara seperti Hari Kebangsaan - memasang bendera di rumah/ basikal/ motosikal/ kereta
- menjaga nama baik negara - tidak memburukkan negara dalam media sosial dengan menyebarkan fitnah, tuduhan atau menimbulkan isu-isu sensitif / menyantuni pelancong / menunjukkan tingkah laku positif di hadapan pelancong - bersikap ramah dan mesra
- belajar bersungguh-sungguh agar dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan dan pembangunan negara
- menjaga kebersihan alam sekitar - tidak membuang sampah di merata-rata tempat, melibatkan diri dengan aktiviti memelihara alam sekitar




SAINS DAN TEKNOLOGI

Kepentingan / kebaikan / manfaat:

- Penghasilan alat-alat yang memudahkan kehidupan manusia
- Mampu melindungi negara daripada ancaman atau serangan musuh
- Mampu menghasilkan makanan hasil ubahsuaian genetik – makanan menjadi tahan lama, sedap dan bermutu
- Meningkatkan hasil pertanian dan agrikultur
- Menyumbang perkembangan industri kesihatan – penyakit dan rawatan (peralatan canggih)
- Penerokaan maklumat tanpa sempadan
- Memudahkan pergerakan manusia (pengangkutan)
- Memelihara dan memulihara alam sekitar (penciptaan kereta elektrik)
- Memudahkan perhubungan dari jarak jauh

Keburukan:

- Membawa kemusnahan kepada dunia, manusia terkorban – penggunaan bom nuklear dan senjata nuklear
- Menyebabkan pencemaran alam
- Menyebabkan pengangguran – tenaga manusia kurang diperlukan
- Memusnahkan alam sekitar
- Menyebabkan manusia menjadi lebih malas dan anti-sosial
- Menjejaskan kesihatan manusia
- Peningkatan kes jenayah siber



PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Punca pencemaran alam sekitar:

- Kegiatan perusahaan atau perkilangan: asap-asap kilang menyebabkan pencemaran udara
- pembuangan sisa-sisa toksik menyebabkan pencemaran air
- Kegiatan pembangunan dan penerokaan hutan - mengganggu sistem ekologi bumi, mengakibatkan hakisan tanah - menyebabkan bumi tiada kawasan tadahan hujan- menyebabkan banjir
- Kegiatan pengangkutan: asap-asap kenderaan yang mengeluarkan karbon monoksida (gas beracun)
- tumpahan minyak daripada kapal tangki di laut
- Kegiatan perladangan dan di rumah pembuangan sampah sarap yang tidak bersistem - penggunaan racun serangga yang berleluasa telah menyebabkan udara dan air tercemar

Kesan pencemaran alam sekitar:


- Kehidupan tidak selesa dan kesihatan terganggu apabila udara, air dan darat tercemar
- Cuaca bertambah panas dan berlakunya jerebu kesan daripada penipisan lapisan ozon
- Menyebabkan penyakit kulit, kanser, hilang daya pendengaran dan sebagainya
- Bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh akan berlaku sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta benda
- Masalah hakisan tanah semakin meruncing kesan daripada projek pembangunan seperti pembinaan rumah dan padang golf
- Sungai-sungai tercemar - pembuangan sisa-sisa toksik dan sampah sarap
- Hutan-hutan semula jadi dan hidupan liar musnah kesan daripada aktiviti pembalakan
- Udara tercemar berikutan dengan asap kenderaan, asap kilang dan penggunaan racun serangga yang berleluasa
- Pencemaran bunyi seperti bunyi bising berpunca daripada enjin kenderaan dan bunyi bising daripada aktiviti pembangunan

Langkah mengekalkan keindahan alam sekitar:

- Menggiatkan usaha menanam pohon-pohon hijau atau pokok-pokok bunga di kawasan bandar
- Memastikan hutan tidak diteroka dengan sewenang-wenangnya kerana hutan berperanan penting dalam mengekalkan kehijauan alam sekitar
- Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya menjaga keindahan alam sekitar misalnya melalui kempen "Hijaukan Bumi Kita" dan sebagainya
- Menanam sikap cinta akan keindahan alam dalam kalangan generasi baru dan menggalakkan mereka menghargai kebersihan dan keindahan alam sekitar

Kelebihan mengekalkan keindahan alam sekitar:

- Untuk memperbaiki mutu alam sekitar
- Untuk menjaga kebersihan alam sekitar daripada tercemar dengan lebih teruk
- Mengawal keseimbangan ekologi bumi - menghindarkan berlakunya hakisan tanah dan tanah runtuh
- Melindungi hidupan liar daripada pupus dan mengekalkan hutan simpan yang merupakan kawasan tadahan hujan
- Membantu jangka hayat manusia - alam sekitar yang tercemar memudahkan penyebaran jangkitan pelbagai jenis penyakit kepada manusia - contohnya, penyakit barah dan asma untuk menggalakkan pelancong berkunjung ke negara kita - alam sekitar yang bersih dan bumi yang hijau sesuai untuk menenangkan fikiran dan beristirahat



PERTANIAN

Punca bidang pertanian semakin dipinggirkan:

- Tanggapan bahawa bidang pertanian tidak menjanjikan masa depan yang terjamin
- Risiko yang tinggi
- Kekurangan modal dan sokongan
- Tiada kemahiran dalam bidang pertanian
- Kurang pendedahan tentang potensi bidang pertanian

Kepentingan bidang pertanian:

- Meningkatkan pendapatan negara - membekalkan makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk di dunia - Di Malaysia, sektor pertanian amat penting dan menyumbang lima peratus kepada pendapatan kasar negara
- Mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan - beras, kopi, koko dan bijirin yang lain sesuai ditanam di negara ini - tidak perlu mengimport bahan makanan ini daripada negara luar
- Membuka peluang pekerjaan - pekerjaan ini tidak memerlukan kelulusan yang tinggi berbanding kerja profesional dan separuh professional – mengurangkan kadar pengangguran – meningkatkan taraf hidup – mengurangkan kadar kemiskinan tegar
- Agro-pelancongan - Pelbagai aktiviti berkaitan dengan sektor pertanian dan perladangan disediakan kepada para pelancong – Contoh: lawatan ke dusun buah-buahan dan ladang ternakan, penyelidikan, homestay
- menyeimbangkan ekologi alam sekitar - Pembangunan sektor pertanian dapat menjamin hasil yang lumayan dan punca pendapatan yang stabil tanpa mengakibatkan pencemaran alam yang teruk

Langkah memajukan bidang pertanian:

- Bantuan kepakaran oleh pihak bertanggungjawab - Contoh: Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI). MARDI ditubuhkan dengan matlamat memajukan dan menggiatkan teknologi bersesuaian yang baharu
- Pameran pertanian - Pameran pertanian untuk memperkenalkan jentera-jentera pertanian, bahan pertanian, baja organik serta benih-benih yang telah diinovasikan untuk menghasilkan pokok yang bervariasi - dapat menarik perhatian sektor pertanian luar negara untuk bersama-sama memajukan bidang pertanian - dapat membantu hubungan dua hala Malaysia dengan negara lain untuk mengembangkan bidang yang berkaitan dengan pertanian
- Penggunaan teknologi moden - menggabungkan teknologi sains dan pertanian (bioteknologi) - Contohnya, kaedah pembiakbakaan yang sering digunakan dalam menghasilkan kelapa sawit yang lebih berkualiti
- Bantuan dana - Pihak bank pertanian khususnya boleh memberi pinjaman kepada para petani untuk memulakan projek pertanian - Skim pinjaman yang berkadar faedah rendah perlu disediakan oleh bank, terutamanya Agrobank untuk pekabun kecil

Langkah memupuk minat generasi muda menceburi bidang pertanian:

Peranan Ibu Bapa

- mendidik anak-anak bercucuk tanam
- mewujudkan taman mini di rumah
- mengajak anak-anak melawat ke dusun (agropelancongan) dan sawah

Peranan Kerajaan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani)

- menjalankan Kempen Pertanian Satu Perniagaan
- mengubah persepsi remaja tentang bidang pertanian
- menawarkan kursus bidang pertanian di peringkat pengajian universiti
- memberikan bantuan kewangan dan bimbingan kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang perniagaan (MARDI, RISDA)- Bank Pertanian (Agrobank) -menawarkan Modal Usahawan 1 Malaysia untuk membantu siswazah memulakan pertanian sendiri.
- menawarkan peluang pekerjaan yang lebih luas dalam bidang pertanian – bekerja dalam sektor agropelancongan – petani moden menggunakan teknologi terkini

Peranan Sekolah


- Menubuhkan Kelab Pertanian di sekolah
- Menawarkan mata pelajaran Sains Pertanian
- Mengadakan aktiviti lawatan sambil belajar ke kawasan pertanian

PERTANIAN BANDAR

- Aktiviti bercucuk tanam di kawasan rumah yang mempunyai ruang yang terhad

Kebaikan pertanian bandar:

- mengurangkan kos sara hidup – tidak perlu membeli sayur-sayuran- menjana pendapatan – menjamin sumber makanan
- merapatkan hubungan kekeluargaan – dilakukan Bersama ahli keluarga
- memupuk semangat kejiranan – Program Kebun Komuniti di Kampung Datuk Keramat, Program Kebun komuniti di Seksyen 8 Shah Alam
- mengekalkan kelestarian kawasan bandar – meningkatkan Kawasan hijau – mencantikkan pemandangan – mengawal suhu persekitaran
- Terapi minda penduduk bandar – melakukan riadah – mendekati diri dengan alam semula jadi – hobi yang berfaedah



AMALAN MENABUNG

Faedah Menabung:

- jaminan masa depan
- sebagai persediaan menghadapi apa-apa juga risiko atau krisis kewangan / kecemasan – malang tidak berbau – contoh: kebakaran, bencana alam
- menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi – kos pengajian sangat tinggi terutamanya di luar negara – Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)
- memupuk amalan berjimat cermat dalam kehidupan kerana membazir itu sahabat syaitan
- pelaburan jangka panjang – Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN)

Langkah menggalakkan amalan menabung:


- ibu bapa mendidik anak-anak tentang kepentingan menabung sejak kecil – membuka akaun simpanan di bank untuk anak-anak – ibu bapa perlu menjadi contoh teladan kepada anak-anak
- sekolah menganjurkan Minggu Celik Kewangan – menjemput pihak bank hadir ke sekolah membuat pameran, ceramah
- insitansi perbankan – Kempen Marilah Menabung - mewujudkan skim simpanan yang menawarkan banyak faedah menarik untuk menggalakkan orang ramai menabung
- media massa menyebarkan maklumat tentang kepentingan menabung

PENGURUSAN KEWANGAN

Perangkaan Bank Negara menunjukkan 47 peratus belia Malaysia mempunyai hutang kad kredit tinggi. - literasi kewangan harus dipertingkatkan bagi memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat dalam aspek pengurusan kewangan seterusnya mampu melahirkan generasi yang berkemahiran dan pandai berdikari dari segi kewangan

Langkah menguruskan kewangan dengan bijak:

- membuat simpanan secara konsisten - mulakan dengan nilai yang dirasakan mampu untuk disimpan pada setiap bulan tanpa gagal - mengawal diri daripada berbelanja barangan yang tidak diperlukan
- Sentiasa mengawal dan melakukan pemantauan terhadap setiap perbelanjaan yang dilakukan dengan menyediakan pelan perbelanjaan peribadi khas yang meliputi perbelanjaan harian, mingguan, bulanan sehinggalah perbelanjaan tahunan
- merancang perbelanjaan – menyenaraikan barang yang hendak dibeli sebelum pergi berbelanja - mengelakkan anda dari membelanjakan wang untuk barangan yang tidak penting.
- membuat perbandingan harga
- berbelanja sewaktu promosi jualan, jualan akhir tahun
- mengikuti aktiviti atau program berkaitan literasi kewangan supaya memperoleh ilmu pengetahuan, demi pengurusan kewangan berhemah dan seterusnya membentuk hidup sejahtera



PELANCONGAN

Kepentingan industri pelancongan kepada negara:



- Dapat meningkatkan pendapatan negara melalui pengaliran masuk wang asing ke negara kita
- Dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada penduduk setempat - mengurangkan kadar pengangguran
- Dapat meningkatkan permintaan terhadap barangan setempat seperti hasil-hasil kraf tangan, seramik dan sebagainya
- Dapat meningkatkan pendapatan penduduk setempat
- Dapat menyemaikan perasaan cinta akan negara dalam kalangan rakyat
- Dapat memperkenalkan Malaysia kepada pelancong luar
- Dapat meningkatkan imej negara di mata dunia

Kesan industri pelancongan kepada negara:

- Mencemarkan kebudayaan masyarakat setempat - pelancong menyebarkan budaya kuning yang mudah memengaruhi golongan remaja
- Penduduk setempat mengalami beban sebagai akibat kenaikan harga barang - contoh: penduduk di Johor Bahru terpaksa membeli barang dengan harga yang mahal kerana pelancong dari Singapura berupaya membeli barang yang sama dengan harga yang mahal.
- Alam semula jadi negara yang cantik dieksploitasikan oleh pihak-pihak tertentu untuk dijadikan lokasi pelancongan - pembinaan chalet, rumah tumpangan dan prasarana lain menyebabkan banyak pokok ditebang

Langkah memajukan industri pelancongan

- Mengedarkan risalah tentang keistimewaan yang terdapat di Malaysia, misalnya tempat-tempat pelancongan yang menarik, tempat-tempat yang bersejarah, pelbagai kebudayaan kaum, makanan masyarakat setempat dan sebagainya.
- Memperbanyak langkah-langkah promosi, kempen dan pameran di dalam serta di luar negara
- Memperbanyak dan mempermoden kemudahan penginapan, rekreasi, perhubungan, pengangkutan, pusat beli-belah, pusat hiburan dan sebagainya
- Meningkatkan kesedaran sivik dalam kalangan rakyat agar sentiasa bersopan santun, menjaga kebersihan alam sekitar dan bersedia menerima kunjungan pelancong
- Menawarkan pakej pelancongan yang berpatutan agar para pelancong terutamanya pelancong luar mudah tertarik dan tidak menghadapi masalah untuk berkunjung ke negara kita





WARISAN SENI DAN BUDAYA

Usaha mengekalkan warisan seni & budaya negara (permainan tradisional / makanan tradisional/ lagu rakyat/ tarian tradisional/ pakaian tradisional)

- **Media massa** – menyiarkan iklan / rancangan berkaitan seni & budaya- memaparkan filem bertemakan seni & budaya – dokumentari khas tentang seni & budaya – menerbitkan buku & majalah seni & budaya.
- **Kerajaan** – menganjurkan kempen Cintai Warisan Negara- menganjurkan pertandingan seni & budaya – menubuhkan institusi khas yang memartabatkan seni dan budaya – ASWARA- menganjurkan Karnival seni & budaya – memberikan insentif kepada penggiat seni & budaya.
- **Sekolah** – mewujudkan Kelab Kebudayaan – diterapkan di dalam PdPc guru- menganjurkan pertandingan seni & budaya- pameran seni & budaya
- **Ibu bapa** – mendidik anak-anak mengamalkan seni & budaya – membawa anak-anak mengunjungi karnival seni & budaya – menggalakkan anak-anak mempelajari seni & budaya.

Kepentingan mengekalkan seni & budaya

- **Melambangkan identiti sesebuah negara** – melambangkan sifat majmuk masyarakat – keunikan pelbagai seni & budaya masyarakat – kepelbagaian pakaian tradisional/makanan tradisional/ tarian tradisional.
- **Memupuk perpaduan kaum** – rakyat menghormati perbezaan budaya – mempelajari budaya kaum lain – mewujudkan semangat patriotisme
- **Menarik minat pelancong** – kenunikan seni & budaya masyarakat Malaysia menarik kedatangan pelancong- pelancong datang ke Malaysia untuk menyaksikan perayaan pelbagai kaum- muzik tradisioanal pelbagai kaum- cth : sape, gamelan –menyaksikan tarian tradisional – zapin, ngajat, Mak Yong, tarian kipas & sumazau- meningkatkan imej negara
- **Mengekalkan kesinambungan temadun** – melalui seni & budaya, kita dapat mengenali asal-usul – tidak mudah lupa daratan – berbangga dengan budaya warisan nenek moyang.



SUKAN DAN REKREASI	
<p>Faktor tidak mengamalkan aktiviti sukan dan rekreasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurang motivasi untuk gaya hidup sihat • Terlalu banyak meluangkan masa dengan peranti elektronik • Mudah leka dan terbuai dengan hiburan lain • Keadaan cuaca yang tidak menentu • Sibuk bekerja • Keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan 	<p>Kesan tidak mengamalkan aktiviti sukan dan rekreasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mudah mengalami keletihan pada tubuh badan • Sukar untuk tidur • Mudah diserang penyakit • Kerap lapar • Sistem pencernaan tidak lancar • Emosi tidak stabil
<p>Keputusan aktiviti sukan dan rekreasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjamin kesihatan diri • Mengurangkan stress • Menjadi kerjaya • Memupuk semangat setia kawan • Mengelakkan diri terlibat dalam gejala tidak sihat • Menyumbang kepada ekonomi negara • Meningkatkan disiplin diri • Sentiasa berfikiran positif • Mengisi masa lapang 	
<p>Langkah menggalakkan aktiviti sukan dan rekreasi:</p> <p>Peranan Ibu Bapa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membawa anak-anak menjalani aktiviti sukan dan rekreasi • Membelikan peralatan sukan untuk anak-anak • Menggalakkan anak-anak mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah <p>Peranan Sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menganjurkan pelbagai pertandingan sukan di sekolah • Memberikan penghargaan kepada murid yang aktif dalam bidang sukan <p>Peranan Media Massa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyebarkan maklumat tentang kepentingan aktiviti sukan dan rekreasi melalui media cetak dan media elektronik <p>Peranan Kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan Hari Sukan Negara • Dasar 1 Murid 1 Sukan 	

E-SUKAN


E-sukan didefinisikan sebagai sukan yang berasaskan permainan komputer yang dimainkan oleh pengguna seperti pemain profesional – Contoh: Dota 2, Mobile Legends, Counter Strike: Global Offensive, Tekken 7 dan FIFA

Faedah e-sukan:

- menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara – pada 2018, e-sukan telah menyumbang pendapatan AS\$100 juta (RM419.50 juta) kepada Malaysia
- peluang pekerjaan - beribu-ribu pekerjaan telah dicipta dalam industri e-sukan termasuk pemain, jurulatih, pengurus acara, pengadil, pereka permainan, media dan penulis, pakar pemasaran dan sebagainya - mengurangkan kadar pengangguran terutamanya dalam kalangan belia
- melahirkan atlet e-sukan profesional yang mampu mengharumkan nama negara
- meningkatkan kecekapan minda
- mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah
- memupuk semangat kerjasama
- membentuk modal insan yang mampu mendepani cabaran era digital

Langkah mempopularkan e-sukan:

- pembinaan hab e-sukan kebangsaan oleh kerajaan - menjadi lokasi utama dan pusat latihan kontinjen Malaysia yang bertanding dalam pelbagai kejohanan di peringkat antarabangsa.
- lebih banyak kejohanan dianjurkan secara tempatan atau di peringkat negeri – contoh: Kejohanan Siri E-Sukan Malaysia (MES)
- e-sukan ditawarkan sebagai kursus pengajian di institusi pengajian tinggi
- ibu bapa memberikan sokongan kepada anak-anak yang melibatkan diri dalam e-sukan – menyediakan peralatan, menghantar anak-anak mengikuti kursus e-sukan



PERINDUSTRIAN

Usaha memajukan sektor perindustrian negara

- Mempergiat usaha menarik pelabur asing – kerajaan harus memperkenalkan beberapa insentif untuk menarik pelabur asing- mengurangkan cukai – memberikan taraf perintis – meluaskan pasaran
- Kerajaan menambahkan kemudahan pengangkutan bagi memudahkan urusan eksport dan import- menaik taraf kemudahan Pelabuhan & kemudahan lapangan terbang
- Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi -kerajaan menyediakan pusat Latihan tenaga pekerja mahir & separuh mahir- membuka pusat Latihan komuniti – mengambil buruh asing.

Kepentingan Sektor Perindustrian

- Meningkatkan pendapatan negara - aliran masuk wang ke dalam negara melalui aktiviti eksport- hasil cukai barangan meningkatkan pendapatan negara
- Membuka peluang pekerjaan - pekerjaan ini tidak memerlukan kelulusan yang tinggi berbanding kerja profesional dan separuh professional – mengurangkan kadar pengangguran – meningkatkan taraf hidup – mengurangkan kadar kemiskinan tegar
- Meningkatkan imej negara – kemasukan pelabur asing menjadikan negara terkenal di seluruh dunia – membolehkan negara bersaing dengan negara maju - contoh: industri

<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan program penyelidikan & pembangunan (R&D) – meningkatkan daya produktiviti – memperkenalkan Teknik pengeluaran & pemasaran yang baharu - 	<p>pembuatan kereta – industri fesyen & industri makanan – membantu memperkenalkan seni & budaya masyarakat Malaysia</p>
<p>Langkah Memajukan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) / Industri Desa / Industri Kraf tangan:</p> <p>Peranan Ibu Bapa</p> <ul style="list-style-type: none"> • mendidik anak-anak menghasilkan kraf tangan & produk makanan • mengajak anak-anak Bersama-sama menghasilkan kraf tangan & produk makanan pada masa lapang • membawa anak-anak mengunjungi ekspo kraf tangan & produk makanan <p>Peranan Kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • menawarkan pembiayaan, geran, pinjaman dan insentif kepada pengusaha IKS • mengajurkan kursus kepada pengiat IKS untuk meningkatkan kreativiti & produktiviti • membantu meluaskan pasaran produk IKS melalui Ekspo Produk Halal & Citarasa Malaysia • MARDI melakukan kajian & pembangunan produk IKS (R&D) <p>Peranan Media Massa</p> <ul style="list-style-type: none"> • menyiarkan rancangan khas berkaitan IKS • pemasaran menggunakan aplikasi facebook, Instagram & tik tok <p>Peranan Penggiat Industri</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan teknologi moden dalam penghasilan produk • Berusaha meningkatkan kreativiti & produktiviti (menghadiri kursus) • Teknik pembungkusan yang kreatif • Pemasaran secara dalam talian 	

INTERNET BENDA (IOT) DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN

PERUNCITAN DAN PENGURUSAN BEKALAN

- Sistem pembelian dalam talian
- Pembayaran dalam talian
- Inventori stok barangan

PERKILANGAN

- Mengawal selia penghasilan produk melalui rangkaian mesin
- Mengoptimum masa sebenar pengeluaran produk
- Kawalan mesin secara automatik

PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK

- Mengesan pegerakan pengangkutan
- Mengesan lokasi barang
- Menyemak status penghantaran barangan

INDUSTRI MAKANAN SEJUK BEKU

Industri makanan sejuk beku semakin berkembang – mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia selaras dengan gaya hidup yang ringkas dan mudah

Keistimewaan:

- Harga yang kompetitif – lebih murah
- Mudah disediakan – menggoreng, mengukus, memanggang
- Menjimatkan masa
- Tahan lama
- Sumber pendapatan masyarakat terutamanya golongan suri rumah

Potensinya:

- Masa hadapan yang cerah
- Merencanakan industry makanan
- Memasuki pasaran antarabangsa
- Pelbagai jenis produk dihasilkan

USAHA MENGETENGAHKAN MAKANAN SEJUK BEKU KE PERINGKAT ANTARABANGSA:

- MARDI – melakukan penyelidikan dan pembangunan menggunakan teknologi dan kaedah yang boleh memajukan industri makanan Malaysia
- FAMA – membantu usahawan memasarkan dan mempromosikan produk makanan sejuk beku – menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pengusaha – mengelolakan kursus & latihan kepada pengusaha makanan sejuk beku
- MATRADE – membantu pengusaha memasarkan produk ke peringkat antarabangsa – menemukan syarikat-syarikat asing dengan pembekal produk Malaysia - mengelolakan latihan untuk meningkatkan kecekapan pengeksporth.



MATA PELAJARAN SEJARAH

Kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah di sekolah:

- menjadi iktibar dan pengajaran kepada generasi muda – agar tidak mengulangi kesilapan generasi terdahulu
- menimbulkan semangat patriotisme dalam kalangan murid - mereka berpeluang mengenali dan menghargai jasa pejuang tanah air
- memupuk perpaduan kaum – peristiwa 13 Mei 1969 misalnya menjadi bukti terbaik tentang kepentingan mengekalkan perpaduan kaum
- menghargai budaya dan warisan negara
- melahirkan generasi muda yang lebih matang dan berfikiran waras – murid dapat melihat pelbagai kisah perjalanan manusia yang dapat dijadikan panduan dan pengajaran dalam kehidupan

Langkah menggalakkan murid meminati mata pelajaran Sejarah:

- ibu bapa menceritakan kisah-kisah sejarah kepada anak-anak sebelum tidur
- guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif – penggunaan video, teknik lakonan, permainan
- sekolah mengadakan lawatan ke tempat-tempat bersejarah di negara kita
- pihak sekolah menjemput tokoh sejarah untuk memberikan ceramah
- syarikat penerbitan buku menerbitkan komik sejarah lebih banyak dan dipasarkan secara meluas
- lebih banyak filem-filem bertemakan kisah sejarah diterbitkan

Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET)

contoh: teknologi maklumat, elektrik dan elektronik, jurukimpal marin, kulinari, pertanian dan jahitan

Kepentingan memperkasakan pendidikan TVET:

- melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang baharu yang penting kepada pembangunan dan kemajuan negara
- menjana pendapatan yang lumayan – contoh: pekerja dalam bidang kimpalan di dasar laut (marin) contohnya mampu memperoleh pendapatan antara RM7,000 hingga RM30,000 sebulan
- mampu meningkatkan peluang memperoleh pekerjaan - graduannya terbukti sering mendapat tempat dalam industri terutama dalam era Revolusi Industri 4.0.
- melahirkan tenaga kerja yang berupaya bersaing di peringkat global - membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran diri kerana didedahkan kepada inovasi dalam konteks dunia pekerjaan yang sebenar
- Melahirkan generasi yang berdikari yang akhirnya mampu menjadi usahawan / bekerja sendiri
- membasmi isu keciciran akademik pada generasi remaja

Langkah memperkasakan pendidikan TVET:

- pendedahan mesti diberikan kepada pelajar bermula dari usia yang sangat muda untuk memberitahu mereka mengenai faedah mengikuti pendidikan TVET serta banyak potensi laluan kerjaya
- promosi dan penjenamaan semula dilakukan secara komprehensif bagi menghapuskan persepsi bahawa TVET ialah pendidikan kelas kedua dan sudah tidak relevan lagi
- pekerjaan yang memerlukan kelayakan TVET mesti dibayar gaji yang bagus
- kursus-kursus TVET ditawarkan dengan lebih banyak di pusat pengajian tinggi
- penubuhan institusi pengajian TVET di seluruh negara

PENDIDIKAN MAYA / PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Kepentingan pendidikan maya / pembelajaran dalam talian:


- pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif - guru boleh menyediakan bahan pengajaran yang lebih interaktif seperti menggunakan Microsoft PowerPoint - bahan pengajaran ini boleh diselitkan dengan pautan video, gambar dan animasi yang mampu menarik perhatian para pelajar
- suasana pembelajaran yang lebih kondusif - pelajar tidak perlu untuk berpakaian seragam dan hanya memakai pakaian mengikut keselesaan mereka
- meningkatkan penguasaan dan kemahiran ICT - melahirkan generasi celik ICT yang bakal memacu pembangunan negara ke arah negara maju – pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara

- memudahkan pelajar membuat ulang kaji pelajaran - pelajar dapat mengakses pelbagai bahan pembelajaran yang terdapat di Internet untuk mengulang kaji dan tidak bergantung kepada buku teks sahaja semata-mata

PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA (PKJR)

Kepentingan PKJR:

- pelajar dapat meningkatkan tahap kesedaran tentang keselamatan di jalan raya
- pelajar dapat memupuk sikap positif/ nilai murni ketika berada di jalan raya
- pelajar dapat memahami bahagian jalan dan persekitaran yang selamat
- pelajar dapat memahami kegunaan alat keselamatan (tali pinggang keledar/ topi keledar/ pemantul cahaya) dan kepentingan penyelenggaraan basikal.
- pengguna jalan raya lebih peka/ berwaspada terhadap keselamatan jalan raya.
- pengguna jalan raya lebih berhemah/ bertimbang rasa ketika di jalan raya.
- pengguna jalan raya mematuhi peraturan jalan raya.
- pengguna jalan raya lebih mengutamakan keselamatan diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain.
- mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.




Tema:
Bahasa dan Kesusasteraan

KEPELBAGAIAN BAHASA

Kepentingan mempelajari pelbagai bahasa:

- Mudah untuk berhubung dengan orang lain – dengan menguasai bahasa asing, kita mampu berkomunikasi dengan bangsa lain.
- Memperoleh lebih banyak ilmu pengetahuan - sebagai contoh, untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang agama Islam seseorang wajib menguasai bahasa Arab yang merupakan bahasa kitab suci Al-Quran
- Membuka peluang untuk melanjutkan pelajaran – para pelajar yang dihantar ke luar negara perlu menguasai bahasa asing agar tidak kekok sepanjang tempoh pengajian
- Membuka lebih banyak peluang pekerjaan – seseorang yang menguasai bahasa asing akan meningkatkan nilai dalam diri untuk syarikat-syarikat besar mengambil sebagai pekerja – mudah berhubung dengan pelabur asing
- Menambah keyakinan diri seseorang – meningkatkan keyakinan dalam diri seseorang untuk bercakap dengan orang yang berbeza bahasa – contohnya, jika ke negara luar, kita tidak malu untuk berkomunikasi dengan masyarakat di sana

KESUSASTERAAN MELAYU	
<p>Punca masyarakat tidak meminati karya sastra:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkembangan dan penggantian teknologi – karya sastra tidak lagi dibaca kerana adanya gajet yang menjadi sumber utama hiburan masyarakat • Keghairahan terhadap pelakon atau penyanyi terkenal – masyarakat tidak lagi kenal kepada penyanyi seloka seperti roslan maadun • Penggunaan bahasa klasik – masyarakat malas mengkaji terhadap bahasa klasik yang dijumpai dalam karya sastra • Pendedahan karya sastra kepada masyarakat kurang – sukatan bahasa melayu dahulu tidak disisipkan dengan karya sastra 	<p>Kepentingan sastra kepada masyarakat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sastra menjadikan kita manusia – kebanyakan dalam karya sastra banyak menceritakan tentang nilai kemanusiaan • Sastra memberi pengajaran – sebagai contoh, karya seloka pak kaduk memberikan pengajaran kepada masyarakat tentang buruknya berjudi • Memperkembang kata-kata yang menarik – seseorang yang banyak membaca karya sastra akan memperoleh kata-kata yang berbeza dan menarik • Sastra dijadikan hiburan – karya sastra juga dijadikan hiburan pada masa lapang
<p>Langkah menarik minat masyarakat terhadap sastra:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa mendedahkan anak-anak kepada karya-karya sastra – membaca karya sastra untuk anak-anak sebelum tidur – membelikan karya sastra untuk dibaca oleh anak-anak • Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia memperkasakan subjek Kesusasteraan Melayu di sekolah – realiti masa kini: subjek ini semakin diketepikan dan tidak banyak ditawarkan kepada murid • Guru Kesusasteraan Melayu perlu kreatif dalam melaksanakan pengajaran subjek Kesusasteraan Melayu di sekolah – contoh: menggunakan teknologi terkini, pelbagaikan teknik pengajaran seperti dekon, mestamu • Karyawan harus meningkatkan kualiti penulisan dalam karya yang dihasilkan • Kerajaan perlu mengecualikan cukai agar karya sastra lebih murah dan kompetitif • Kerajaan mewujudkan skim potongan harga pembelian karya sastra • Kempen Cintai Sastra oleh media massa 	



Tema:
Kerjaya

PEMILIHAN KERJAYA

Faktor-faktor pemilihan kerjaya:

- Minat dan cita-cita
- Latar belakang akademik
- Pengaruh dan sokongan ahli keluarga
- Suasana pekerjaan

PENGANGGURAN

Faktor / punca / sebab berlakunya pengangguran:

- Kelulusan akademik yang rendah
- Sikap terlalu memilih pekerjaan
- Kekurangan kemahiran dan teknik dalam kalangan belia
- Kemajuan sains dan teknologi – penggunaan jentera / robot

Langkah / cara / usaha mengatasi pengangguran:

- Menggalakkan belia bekerja sendiri – berniaga, bertani
- Memberikan bantuan pinjaman kewangan dan teknologi kepada belia
- Menggalakkan pelajar ke sekolah-sekolah teknik dan vokasional
- Melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran bersesuaian dengan perkembangan sains dan teknologi yang canggih


Kesan buruk pengangguran:

- Kes jenayah meningkat – kecurian, rompakan, peras ugut dan pembunuhan
- Ekonomi negara terbantut
- Bertambahnya rumah-rumah setinggan – tidak mampu membeli atau membayar sewa rumah

PERSEDIAAN MELANGKAH KE ALAM PEKERJAAN

Persediaan yang perlu dilakukan sebelum melangkah ke alam pekerjaan:

- Mendapatkan kelayakan akademik yang sesuai dengan pekerjaan - remaja perlu mengambil jurusan yang bersesuaian dengan pekerjaan yang ingin diceburi di sekolah dan di universiti - mereka yang mahu menjadi seorang doktor, jururawat, dan ahli farmasi mestilah memilih aliran sains
- Bersedia dari segi fizikal dan mental - elemen ketahanan fizikal dan mental termasuklah setiap individu mampu berdikari, berdisiplin dalam melaksanakan tugas, bijak membuat keputusan dan seorang yang proaktif
- Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik - remaja perlu banyak melibatkan diri dalam aktiviti pengucapan awam seperti pidato dan bahas agar dapat membiasakan diri bercakap di khalayak ramai
- Mempunyai kemahiran teknologi maklumat



INTEGRITI

Cara-cara menerapkan integriti dalam kalangan generasi muda:

- didikan agama yang teguh - perisai paling ampuh, dapat membezakan baik dan buruk
- mematuhi peraturan sekolah - tidak melanggar peraturan sekolah sesuka hati, menjaga tingkah laku dan berdisiplin
- sentiasa berketerampilan positif - mempunyai keterampilan diri sebagai pemimpin, amanah dan jujur ketika menjalankan tugas
- sentiasa mempelajari dan menghayati nilai murni - diterapkan melalui mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam, fokus semasa sesi pembelajaran

Faktor-faktor yang menjejaskan integriti:

- Didikan agama yang lemah
- Kurang penghayatan nilai-nilai murni
- Kelemahan sistem, prosedur dan garis panduan bagi menjalankan tugas
- Kepimpinan yang lemah
- Tekanan hidup
- Budaya persekitaran yang negatif

RASUAH

Punca-punca:


- Kurangnya didikan agama dan moral
- Penguatkuasaan undang-undang yang lemah
- Kelemahan sistem pentadbiran/kepimpinan
- Faktor sosial dan budaya

Kesan-kesan:

- Mengancam keselamatan negara
- Melemahkan sistem emerintahan dan pentadbiran
- Mengancam ekonomi negara
- Menjejaskan imej negara

Cara-cara mengatasi rasuah:

- Mengenakan hukuman yang berat
- Memberi pendidikan tentang amalan rasuah – Pendidikan Sivik, Pendidikan Moral
- Menjalankan kempen antirasuah yang efektif
- Penguatkuasaan undang-undang yang tegas
- Peranan ibu bapa memberikan didikan agama kepada anak-anak
- Peranan media massa – Kempen Benci Rasuah



TAAT KEPADA RAJA	
<ul style="list-style-type: none"> • Raja sebagai ketua negara dan pemimpin 	
<p>Kepentingan taat kepada Raja:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dapat melaksanakan tugas dengan sempurna • Ketaatan dan kepercayaan menentukan hala tuju negara • Penting dalam pembangunan sebuah organisasi • Rakyat ditadbir dengan baik dengan adanya pemimpin 	<p>Kesan tidak taat kepada Raja:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik • Musuh negara senang mengambil kesempatan • Negara tidak dapat ditadbir dengan baik • Dimusuhi oleh Tuhan

KEPIMPINAN
<p>Teras kepada negara ialah pemimpin yang adil yang akan memacu negara kepada kemajuan dan kelestarian hidup semua rakyat di negara itu</p>
<p>Ciri-ciri pemimpin yang baik:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai jati diri yang kuat dan berintegriti tinggi - sekiranya pemimpin tersebut mempunyai jati diri yang kuat dan jelas, pasti organisasi di bawahnya dapat bekerja atau melaksanakan tugas dengan baik dan memenuhi aspirasi yang ingin dicapai • Berketerampilan menarik dan kemas – imej diri yang menarik dapat menunjukkan keyakinan diri pemimpin tersebut kepada kakitangan atau ahli di bawah pimpinannya • Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang tinggi - kemahiran komunikasi yang baik dapat memastikan sesuatu arahan, penjelasan dan teguran disampaikan dengan baik serta diterima juga dengan baik • Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan - apabila pemimpin menunjukkan tauladan yang baik secara tidak langsung akan memberi aspirasi kepada pengikutnya untuk melakukan perkara yang sama. • Bijaksana dalam melakukan tugas • Jujur dalam memikul amanah